

BAB I

KAEDAH PENGAJIAN AL-QUR'AN DI MALAYSIA

1.1 PENGENALAN

Al-Qur'an al-Karim diturunkan dengan bertajwid, maka setiap pembaca al-Qur'an wajib membaca al-Qur'an dengan bertajwid. Malaikat Jibril (a.s) menyampaikan kepada Rasulullah (s.a.w) dengan bertajwid. Demikian juga, Rasulullah (s.a.w) menyampaikan kepada sahabat-sahabatnya dengan bertajwid. Dalil-dalil dari al-Qur'an yang menunjukkan wajibnya membaca al-Qur'an dengan bertajwid ialah untuk memelihara daripada berlaku kesilapan sepertimana firman Allah (s.w.t):

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴿٧٣﴾

Surah al-Muzammil 73: 4

Terjemahan: *Dan bacalah al-Qur'an dengan tartil.*

Seterusnya firman Allah (s.w.t):

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُولَٰئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۗ

وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ ۗ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخٰسِرُونَ ﴿١٢١﴾

Surah al-Baqarah 2: 121

Terjemahan: *Orang-orang yang telah Kami kurniakan Kitab (al-Qur'an), mereka sanggup membacanya dengan setepat-tepat bacaan, mereka itulah yang dikatakan beriman dengannya.*

Seterusnya lagi firman Allah (s.w.t):

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٧﴾

Surah al-Furqān 25: 32

Terjemahan: *Dan orang-orang yang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan al-Qur'an itu kepada Muhammad sempurna sekali? (sekali gus). Diturunkan al-Qur'an dengan cara yang demikian kerana hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu (yakni dengan bacaan yang sempurna dan lengkap menurut hukum-hukum tajwid)*³⁷

Adapun dalil dalam al-Qur'an yang menunjukkan fardu kifāyah belajar ilmu tajwid tetapi beramal dengannya fardu 'ain bagi setiap muslimin dan muslimat sepertimana firman Allah (s.w.t):

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Surah al-Tawbah 9: 122

Terjemahan: *Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang beriman itu pergi semua (ke medan perang), mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam ilmu pengetahuan tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya supaya mereka dapat menjaga dirinya*”.

Sekiranya membaca al-Qur'an dengan tidak bertajwid itu hukumnya harus, sudah tentu Ibnu Mas'ūd (r.a) tidak menegur bacaan lelaki itu yang membacanya

³⁷Abdullah bin Muhammad Basmih, *Tafsir Pimpinan Rahman* (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1983), 762.

dengan tidak bertajwid. Ini menunjukkan bahawa membaca al-Qur'an bertajwid itu hukumnya adalah wajib.

Matlamat mempelajari ilmu tajwid adalah untuk menghalusi bacaan al-Qur'an supaya dapat menyebut huruf-huruf al-Qur'an dengan betul dan fasih sehingga seseorang itu dapat membaca al-Qur'an dengan cara atau gaya yang dibaca oleh Nabi Muhammad (s.a.w). Oleh yang demikian, pertimbangan yang teliti mestilah dijaga supaya tidak terlebih atau terkurang. Manakala faedah mempelajari ilmu tajwid ialah untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan serta mendapat rahmat dan keredhaan Allah (s.w.t) di dunia dan akhirat.³⁸

1.2 SEJARAH PENGAJIAN AL-QUR'AN DI MALAYSIA

Pengajian al-Qur'an merupakan pelajaran dan pendidikan Islam yang julung kali diperkenalkan di Nusantara khususnya di Tanah Melayu. Sebagai bukti, jelas kelihatan pada zaman Kerajaan Melayu Melaka (1400-1511 M) mengaji al-Qur'an merupakan pelajaran dasar kepada semua lapisan masyarakat Islam di zaman tersebut.³⁹ Berbagai pendekatan telah dilakukan oleh ulama-ulama dan mubaligh Islam untuk membantu penduduk tempatan mempelajari al-Qur'an. Bagi memudahkan mereka menyebut dan membunyikan kalimah-kalimah serta huruf-huruf Arab, para mubaligh Islam ini telah memperkenalkan 'Huruf Jawi'⁴⁰. Dengan wujudnya huruf berkenaan lebih memudahkan orang Melayu membunyikan dan menyebut kalimah-kalimah Arab ketika membaca al-Qur'an.⁴¹

³⁸ Abu Mardhiyah, *Tajwid al-Qur'an Qirā'at 'Āṣim-Riwāyat Ḥafṣ-Ṭoriq al-Syātībiy* (Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise, 2007), 75.

³⁹ Hj. Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 130.

⁴⁰ Huruf Jawi merupakan campuran huruf arab sebanyak 28 huruf dengan 5 huruf dari Parsi dan Barbar seperti ca (ع), nga (غ), fa (ف), ga (ض), dan nya (ث).

⁴¹ *Ibid.*, 131.

Kegiatan pengajian al-Qur'an di zaman ini pula dilihat lebih tertumpu kepada pengajian yang dijalankan di rumah. Terdapat orang perseorangan yang berkemampuan menjadikan rumah mereka sebagai tempat belajar al-Qur'an dan asas-asas agama seperti tulis menulis. Abdullah Ishak memetik tulisan Munshi Abdullah yang menyatakan:

*“Maka tiadalah tentu satu atau dua tempat orang mengajar mengaji melainkan dalam sepuluh dua belas rumah, seorang dua orang anak-anak mengaji al-Qur'an, bukannya bahasa Melayu, kerana demikianlah adat dalam negeri-negeri Melayu dalam dunia, maka tiadalah dia belajar bahasanya melainkan semuanya dari kecil ia mulai mengaji Quran juga”*⁴²

Kenyataan ini membuktikan bahawa kegiatan pengajian al-Qur'an sangat aktif dijalankan pada zaman itu. Selain dari pengajian di rumah, istana, surau dan masjid juga berperanan sebagai institusinya walaupun ia dijalankan secara tidak formal. Institusi-institusi ini telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan ilmu pengetahuan. Kegiatan pengajian sebegini tidaklah berbeza daripada pendidikan pada zaman Rasulullah (s.a.w) para sahabat dan tabi'īn. Struktur pendidikan dan kurikulum didapati hampir serupa dengan zaman silam yang lebih menekankan pembacaan, penulisan dan pengajian al-Qur'an di samping mempelajari asas-asas agama seperti *‘Ilmu Fiqh, Tauhīd, Taṣawwuf* dan Sejarah Islam.⁴³

Selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511 M, Aceh mengambil alih peranan Melaka. Aceh berperanan sebagai pusat pengajian Islam dalam beberapa bidang antaranya, pelajaran yang diajar di peringkat rendah menulis dan membaca huruf arab, membaca al-Qur'an, cara beribadat, akhlak, kisah-kisah dari sejarah Islam dan rukun iman. Manakala di peringkat tinggi perkara yang diajar ialah Bahasa Arab, *Tauhīd, Fiqh, Taṣawwuf*, Sejarah Islam dan pelajaran umum. Guru-guru dan ulama pula kebanyakan datang dari luar seperti dari Tanah Arab Parsi, Turki dan India. Penduduk

⁴² *Ibid.*, 129.

⁴³ *Ibid.*, 131.

Acheh juga mempunyai ramai ulama yang handal maka faktor inilah yang menjadikan pendidikan Islam dan al-Qur'an semakin berkembang.⁴⁴

Pengajian al-Qur'an sistem pondok di Malaysia, terutama negeri Kelantan Darul Naim, negeri Terengganu Darul Iman serta negeri Kedah Darul Aman telah memainkan peranan yang penting dalam sistem pengajian al-Qur'an dan penyebaran ilmu-ilmu Islam di peringkat awal kepada ketiga-tiga kawasan berkenaan.

1.3 KEPELBAGAIAN KAEDAH PENGAJIAN AL-QUR'AN DI MALAYSIA

Di Malaysia terdapat banyak kaedah⁴⁵ pengajian al-Qur'an yang telah diguna pakai oleh masyarakat sejak zaman dahulu lagi. Namun tidak semua kaedah tersebut masih diamalkan secara menyeluruh oleh masyarakat hari ini. Sesuai dengan peredaran zaman, maka berbagai kaedah telah muncul dalam pengajaran al-Qur'an yang banyak menitik beratkan kecepatan dan kemahiran. Masing-masing bersaing dalam menarik minat masyarakat untuk mempelajari al-Qur'an yang kesemuanya menjurus kepada satu matlamat iaitu untuk membolehkan umat Islam mampu membaca al-Qur'an dengan betul.⁴⁶

Namun harus diingat bahawa dengan hadirnya berbagai-bagai kaedah pengajian al-Qur'an ini sewajarnya dapat diambil peluang oleh segenap masyarakat untuk berlumba-lumba mendalami ilmu al-Qur'an sehingga kita menjadi pakar dalam bidang al-Qur'an dan tajwid dan seterusnya mengajarkan pula kepada orang lain.

⁴⁴ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Nusantara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 61- 62.

⁴⁵ 'Kaedah' membawa erti cara, aturan, sistem atau metode. Lihat Hajjah Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 75.

⁴⁶ Sufian bin Ahmad, *Buku Teks Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah Tingkatan Lima* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 54.

Di antara kaedah pengajian al-Qur'an yang wujud di Malaysia dan masih diamalkan oleh masyarakat adalah seperti *Talaqqī Mushāfahah*, *Tasmī'*, *Tadārus*, *Tikrār*, *Imlā'i*, *Baghdādiah*, *Iqra'*, *Qirā'atī* dan *Ḥattāwiyah*.

1.3.1 Kaedah *Talaqqī Mushāfahah*.

Kaedah ini merupakan kaedah mempelajari al-Qur'an yang tertua dan dipraktik oleh Jibrīl (a.s) kepada Rasulullah (s.a.w) sewaktu berlakunya proses penurunan wahyu. Caranya Jibrīl (a.s) membaca ayat suci al-Qur'an kemudian Rasulullah (s.a.w) meniru bacaan tersebut dengan diperhatikan oleh Jibrīl (a.s). Setelah itu Rasulullah (s.a.w) terus menghafal ayat berkenaan. Seterusnya Baginda (s.a.w) membacakan kepada para sahabat, para sahabat pula meniru bacaan Baginda (s.a.w) kemudian dituliskan, seterusnya tulisan itu dibaca dan dihafal.⁴⁷

Untuk sampai ke tahap kemahiran, seseorang pembaca itu hendaklah melatih atau membiasakan lidahnya menyebut sesuatu perkataan yang betul. Di samping itu, seseorang itu perlu membaca secara berguru (*mushāfahah*), membaca al-Qur'an dari mushaf tanpa dari panduan guru tidak boleh, sekalipun pada mushaf yang tercatat tanda-tanda tertentu kerana seseorang pelajar itu tidak dapat mengenal sifat huruf atau bentuk *Idghām*, *Ikhfa'*, *Izhār*, *Imālah*, *Raum*, *Isymām* dan sebagainya. Ini menunjukkan dengan mendengar dari mulut guru yang arif serta memperdengarkannya pula bacaan sebutan itu kepada guru sehingga diyakini sebutan itu betul dan tidak salah barulah bacaan itu dianggap betul menurut syarak. Cara *mushāfahah* (membaca secara berguru) hendaklah dipraktikkan oleh murid dengan cara mendengar bacaan daripada guru dan murid membaca di hadapan guru serta guru mendengar bacaan murid.⁴⁸

⁴⁷ Ustaz Ahmad Badawi Abdullah, *Nota Tajwid Al-Qur'an* (Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 3.

⁴⁸ *Ibid.*, 4.

Dalam kaedah *Talaqqī Mushāfahah* ini, murid yang mempelajari al-Qur'an mesti berhadapan secara langsung kepada gurunya. Faktor ini sangat ditekankan supaya murid dapat memahami dengan betul secara amali bagaimana pelaksanaan semua hukum-hukum tajwid dalam bacaan yang meliputi *makhrāj* dan *ṣifāt ḥurūf* serta lain-lain hukum tajwid.⁴⁹

1.3.2 Kaedah *Tasmi'*.

Bacaan adalah satu aktiviti yang bertalian. Apabila mendengar atau membaca, mereka akan melakukan satu pertalian proses-proses memilih, menguji dan mengesahkan maklumat yang didengar atau dibaca. Dalam pengajaran al-Qur'an, murid diminta membaca dan guru mendengar. Kaedah *tasmī'* bacaan ayat al-Qur'an sesuai digunakan bagi ayat tilawah dan hafazan. Seorang murid diminta membaca ayat al-Qur'an di hadapan guru. Jika terdapat kesalahan, guru akan memperbetulkan. Selepas itu murid boleh ditanya mengenai hukum-hukum bacaan atau tajwid dan maksud tanda-tanda bacaan dalam ayat yang dibaca.⁵⁰

1.3.3 Kaedah *Tadārus*.

Kaedah ini atau dikenali juga sebagai halaqah ialah kumpulan kecil yang biasanya tidak melebihi empat orang. Seorang membaca yang lain mendengar dan membetulkan bacaan jika terdapat kesalahan dalam bacaan rakannya itu. Aktiviti ini berjalan serentak kepada semua kumpulan. Murid-murid membaca secara bergilir-gilir dalam

⁴⁹ *Ibid.*, 5.

⁵⁰ Sufian bin Ahmad, *Buku Teks Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah Tingkatan Lima* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 26.

kumpulannya. Jika sampai kepada murid yang tidak pandai atau tidak fasih membaca, maka rakan yang pandai akan membimbingnya membaca atau mengeja.⁵¹

1.3.4 Kaedah *Tikrār*.

Maksud *tikrār* pada bahasa ialah ulangan berkali-kali. Pada istilah *tikrār* bermaksud aktiviti bacaan berulang-ulang kali untuk menguatkan ingatan dan mengingati sesuatu bacaan berulang kali. Selepas guru membaca, murid-murid ikut. Seorang murid membaca dan diikuti oleh murid-murid lain. Murid-murid membaca secara kelas. Murid-murid membaca beramai-ramai mengikut kumpulan, kumpulan lain mendengar sahaja. Seorang murid membaca, yang lain mendengar sahaja.⁵²

1.3.5 Kaedah *Imlā'i*.

Murid menyalin ayat yang hendak dihafaz dua atau tiga kali bergantung pada panjang atau pendek ayat tersebut. Semasa menyalin ayat itu murid-murid dikehendaki mengingati ayat tersebut. Kombinasi di antara menulis dan membaca ini boleh mengukuhkan ingatan mengenai ayat al-Qur'an yang hendak dihafaz itu.⁵³

1.3.6 Kaedah *Baghdādhiah*.

Pengasas Kaedah *Baghdādhiah* ialah Abu Manşūr Ḥafz al-Fikrī al-Baghdādī pada tahun 376 Hijrah. Kaedah tersebut memperkenalkan huruf secara analisis berperingkat-peringkat dengan cara latih tubi dan pengulangan. Kaedah ini telah tersebar dan berkembang ke seluruh ceruk rantau dunia hingga ke saat ini. Ia telah menjangkau

⁵¹ Mohd Yusof Ahmad, *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000), 28.

⁵² *Ibid.*, 33.

⁵³ Marohaini Yusof, *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman* (Kuala Lumpur: karya Bistari Sdn.Bhd, 1989), 42.

sehingga 1049 tahun dan telah menyumbangkan jasa yang besar kepada umat Islam. Kaedah *Baghdādiah* ini begitu popular dalam kalangan umat Islam seluruh dunia sejak zaman berzaman. Hanya pada tahun 1990 an sahaja kaedah *Iqra' dan Qirā'atī* dan lain-lain mula dikenali umat Islam.⁵⁴

Kaedah *Baghdādiah* ini umumnya menggunakan kaedah mengeja dan membunyikan ejaan tersebut. Kaedah ini terlebih dahulu memperkenalkan huruf-huruf *hijāyyah* dengan cara menyebut nama huruf dari ا hingga ي secara latih tubi hingga hafaz. Selepas itu murid-murid diajar mengeja huruf tunggal berbaris di atas dan membunyikannya. Seterusnya murid-murid diajar mengeja huruf tunggal yang bercampur baris-baris lain, iaitu baris satu di atas, di bawah, di depan serta membunyikannya. Begitulah seterusnya proses mengeja dan membunyikan kalimah-kalimah yang mempunyai baris dan tanda bacaan yang berlainan terdiri daripada dua suku kata atau lebih dari empat suku kata. Terdapat bacaan panjang, pendek, dengung dan tidak dengung.⁵⁵

Seterusnya kaedah *al-Baghdādiah* mengajar murid-murid membaca petikan ayat-ayat al-Qur'an tanpa mengeja lagi. Jika murid ini boleh membaca petikan ayat-ayat al-Qur'an tersebut, maka ia boleh membaca ayat-ayat al-Qur'an yang lain dan surah-surah daripada *surah al-Fātiḥah, al-Nās* hingga surah *al-Naba'*. Kebanyakan guru-guru yang menggunakan kaedah ini biasanya menyuruh murid-murid menghafaz surah-surah lazim seperti surah *al-Fātiḥah* hingga surah *al-Duḥā*. Walaupun murid-murid itu belum mengenal huruf-huruf *hijāyyah* dan belum boleh membaca kalimah-kalimah pendek. Dalam kaedah *Baghdādiah*, pelajaran ilmu tajwid diajarkan menerusi surah-surah

⁵⁴Sufian bin Ahmad, *op.cit.*, 38.

⁵⁵*Ibid.*, 29.

pendek daripada al-Qur'an yang dirangkai dengan kitab itu, disusun berurutan secara "berkaedah" daripada yang mudah, sederhana kepada yang sukar.⁵⁶

1.3.7 Kaedah *Iqra'*.

Kaedah ini adalah suatu kaedah pengajaran membaca al-Qur'an yang disusun sebagai usaha mengadaptasi/mengubah-suai kaedah lama (*Baghdādī*) agar dapat tercapai tujuan belajar membaca al-Qur'an dalam waktu singkat dan cepat. Kaedah ini disusun oleh al-Marhum Ustaz Hj. As'ad Humam (Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musholla Yogyakarta) berdasarkan pengalaman mengajar al-Qur'an sejak tahun 1950 dan melalui percubaan dan penyelidikan yang mendalam. Setelah lama menggunakan kaedah *Baghdādī*, ia kemudian beralih menggunakan kaedah *Qirā'atī* selama tiga tahun. Di sini ia menemui beberapa perkara yang masih perlu disempurnakan untuk kepentingan para pelajarnya. Sayang sekali, pihak penyusun *Qirā'atī* kurang memberi sambutan dan berpegang kukuh dengan cara yang sudah disusunnya. Atas dasar itu, setelah tidak berjaya mengadakan penyempurnaan, ia menyusun sendiri dan sekaligus menuangkan gagasannya yang dianggapnya lebih baik. Penyusunan huraianya hampir tidak berbeza dengan *Qirā'atī*.⁵⁷

Pada mulanya kaedah *Iqra'* ini digunakan dalam Majlis Tadarus Remaja di Wilayah Yogyakarta dan sekitarnya yang diadakan di masjid-masjid dan musalla seminggu sekali. Lebih 600 Majlis Tadarus Remaja berjaya ditubuhkan yang kemudiannya dikembangkan oleh aktivis Tadarus Remaja ini dengan membimbing anak-anak pengajian di kelompok masing-masing dan terbukti ramai kanak-kanak yang berusia enam tahun yang mengikuti program ini telah mampu membaca al-Qur'an.⁵⁸

⁵⁶ *Ibid.*, 46.

⁵⁷ Mohd Yusof Ahmad, *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000), 45

⁵⁸ *Ibid.*, 47.

Dengan kejayaan yang dicapai, kaedah *Iqra'* telah tersebar luas ke seluruh Indonesia. Berbagai-bagai badan dakwah dan organisasi Islam serta organisasi kerajaan mengendalikan kursus kaedah *Iqra'*. Kejayaan tersebut menarik minat negara-negara jiran seperti Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam mengambil manfaat dengan kaedah *Iqra'* ini. Bahkan di Malaysia, kaedah *Iqra'* dijadikan kaedah pengajaran di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), menggunakan kaedah *Iqra'* ini di beberapa Madrasah dalam pendidikan agamanya. Di Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Filipina, Thailand telah pula dirintis penggunaan kaedah *Iqra'* ini untuk mengatasi masalah buta huruf al-Qur'an.⁵⁹

1.3.8 Kaedah *Qirā'atī*

Kaedah ini disusun pada tahun 1963 oleh Haji Dachlan Salaim Larkasyi dari Indonesia. Ia diterbitkan pada 1 Julai 1996. Kaedah ini mengandungi dua bahagian buku iaitu *Qirā'atī* untuk kanak-kanak dan *Qirā'atī* untuk dewasa. Untuk kanak-kanak, *Qirā'atī* ini mengandungi lima buah buku dan sebuah buku *Gharīb* tentang kaedah *Rasm 'Uthmānī*. Manakala *Qirā'atī* untuk dewasa pula mengandungi tiga buah buku iaitu di mana setiap bahagian diajar secara bacaan al-Qur'an melalui mushaf dan tajwid.⁶⁰

1.3.9 Kaedah *Ḥattāwīyah*.

Kaedah ini diperkenalkan oleh Drs. Haji Mohd Usman dari Riau Sumatera. Beliau berpengalaman dalam bidang tilawah al-Qur'an selama 30 tahun. Beliau menggunakan konsep mempelajari al-Qur'an secara cepat yang dikenali sebagai kaedah *Ḥattāwīyah*. Kaedah ini merupakan kaedah terkini yang sesuai, ringkas dan praktikal. Seseorang itu

⁵⁹ *Ibid.*, 51.

⁶⁰ Mohd Napiah Sahrani, *Qirā'āt dan Tarannum Dalam Tilawah al-Qur'an*", Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu al-Qur'an (Selangor: Pusat Islam, Universiti Putra Malaysia, 2001), 25.

boleh membaca al-Qur'an dalam tempoh 4 ½ jam atau selama enam kali belajar, khususnya kepada mereka yang sudah lancar membaca rumi. Kaedah ini juga sesuai untuk mengajar saudara baru.⁶¹

1.4 TOKOH ULAMA DALAM PENGAJIAN AL-QUR'AN DI MALAYSIA

Di Malaysia, pengajian al-Qur'an telah bermula sejak lama dahulu lagi oleh ulama tempatan sama ada di pondok, masjid, surau mahu pun rumah Tok Guru.⁶² Bermula dengan diajar qiraat dan tajwid, kemudian baru diajar memahami tafsir al-Qur'an secara ringkas sesuai dengan keadaan kemampuan pelajar. Selepas itu, pelajar diajar sekitar tafsir bertajuk ayat-ayat hukum, mengenai akidah dan akhlak.

Di Malaysia terdapat beberapa tokoh ulama yang telah banyak memberi sumbangan besar dalam pengajaran dan pendidikan ilmu al-Qur'an. Tokoh-tokoh ini telah bertungkus lumus mengembeling tenaga dan buah fikiran untuk memajukan perkembangan ilmu tajwid yang begitu malap perkembangannya terutama di Malaysia. Mereka telah menulis buku-buku yang berkaitan dengan tajwid sebagai panduan dan pembelajaran kepada umat Islam dan pembaca-pembaca al-Qur'an. Di sini, pengkaji menampilkan tiga orang tokoh yang cukup dikenali dan telah banyak memberi sumbangan yang besar di dalam memartabatkan bidang al-Qur'an iaitu:

1. Datuk Haji Hassan bin Azhari

Datuk Haji Hassan Azhari dikenali juga sebagai Ustaz Hassan. Beliau dilahirkan di kampung Syu'ib Mekah pada 18 Ogos 1928. Ayahnya bernama Azhari bin Abdul Khaliq seorang tokoh agama yang terkenal di Selangor manakala ibunya ialah Fatmah

⁶¹ Sufian bin Ahmad, *op.cit.*, 63.

⁶² Abdullah Jusoh, *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*, cet. pertama (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 5.

binti Abdul Hakim, berketurunan Arab Mesir al-Shanani dan Padang, Indonesia. Beliau telah berhijrah bersama keluarga ke Selangor ketika berusia lapan tahun. Ustaz Hassan dibesarkan dalam suasana dan persekitaran keluarga dan masyarakat Arab yang berilmu dan beragama, ini memudahkan lagi beliau menguasai ilmu agama dan juga kemahiran membaca al-Qur'an. Beliau mempelajari al-Qur'an secara formal sejak kecil di Mekah iaitu di peringkat rendah di Madrasah Dar al-'Ulūm, Mekah. Antara guru al-Qur'an beliau di sini ialah Sheikh Yasin al-Fadani dan di Masjidil Haram, gurunya ialah Sheikh Ismā'il Tamīm (salah seorang imam masjid di Mekah). Selain itu, beliau juga mempelajari al-Qur'an secara tidak formal melalui guru-guru agama dari Indonesia dan Patani.⁶³

Ustaz Hassan dapat menghafaz 10 juzuk al-Qur'an semasa beliau berusia 10 tahun di bawah bimbingan Sheikh Ismā'il. Beliau mula mempelajari tarannum dan qiraat di Mesir pada tahun 1948. Gurunya dalam tarannum antaranya ialah Sheikh Saiyyid Maḥmūd Luṭfi Amīr dan Sheikh Maḥmūd Amīn Ṭantāwī. Berkat usaha beliau yang gigih beliau telah menguasai pengajian tajwidnya dengan cemerlang sehingga beliau telah dilantik sebagai hakim tilawah al-Qur'an di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.⁶⁴

Atas keikhlasan menabur bakti itulah, Ustaz Hassan diberi anugerah pada tilawah antarabangsa ke-50 yang lalu kerana telah 50 kali bertugas sebagai hakim tilawah. Ia boleh disamakan dengan sambutan Jubli Emas sebagai hakim tilawah antarabangsa. Di peringkat kebangsaan pula, Ustaz Hassan telah menjadi hakim selama 51 tahun iaitu sejak ia mula diperkenalkan. Beliau juga telah mengajar al-Qur'an dalam Radio Malaya dari tahun 1960 hinggalah tahun 2000 dan beliau juga turut mengacarakan rancangan agama selama lapan tahun di TV1 yang bertajuk "Muqaddam"

⁶³ Zulkiple Abdul Ghani, Muhamad Arifin dan Mohamed Asin Dollah, *Biografi Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan: 1408-1426H/1987-2005M* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2006), 47.

⁶⁴ *Ibid.*

pada 1970-an. Rancangan ini memberi pendedahan yang mudah untuk membaca al-Qur'an daripada permulaan. Pada 1997, beliau mendapat anugerah khas Seri Angkasa kerana penglibatannya selama 40 tahun bersama Radio Television Malaysia atau RTM. Sebagai penghormatan tertinggi bagi individu yang memberikan banyak sumbangan terhadap kemajuan Islam di Malaysia, Ustaz Hassan telah dianugerahkan Tokoh Ma'al Hijrah Kebangsaan 1423H bersamaan tahun 2002 selain beberapa anugerah seperti Tokoh Guru Agama Negeri Selangor tahun 1989 dan Tokoh Ma'al Hijrah Wilayah Persekutuan pada tahun 1990.⁶⁵

Karya beliau dalam bidang tajwid ialah sebuah risalah yang bertajuk "*Mukaddimah Ilmu Tajwid*" yang beliau tulis bagi meningkatkan mutu bacaan dalam kalangan masyarakat Malaysia pada tahun 2001. Manakala pada tahun 2003 beliau telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk "*Penghayatan Tajwid al-Qur'an Dan Amalannya Dalam Masyarakat Hari Ini*" di Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa.⁶⁶

2. Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail

Ustaz Haji Nik Jaafar Nik Ismail dilahirkan pada tahun 1936 di Kampung Kerasak, Pasir Mas, Kelantan. Beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Pondok Madrasah Muhammadiyah Kubang Bemban, Pasir Mas, Kelantan. Di dalam masa yang sama beliau mendalami pengajian al-Qur'an dengan datuknya Haji Mohd Yusuf Kedondong (Qari Di Raja Kelantan), Haji Che Musa Mahmud dan Haji Ahmad Ma'sum Pergau (Johan Qari International pertama). Berkhidmat sebagai guru agama kerajaan Kelantan dan Kementerian Pelajaran Malaysia selama dua puluh tahun di samping terlibat membentangkan kertas-kertas kerja mengenai tarannum bi al-Qur'an peringkat kebangsaan,

⁶⁵ *Ibid.*, 50

⁶⁶ *Ibid.*, 52.

menjadi pensyarah kursus Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Al-Qur'an Kementerian dan ahli panel penulisan kurikulum dan buku "Tarannum Bi Al-Quran" kelas kemahiran membaca al-Qur'an Kementerian.⁶⁷

Mulai tahun 1983, beliau dilantik menjadi hakim Majlis Tilawah al-Qur'an peringkat kebangsaan. Beliau juga diundang menjadi juri Musabaqah Tilawah al-Qur'an peringkat Asean dan negara Thailand. Pada tahun 1993 sehinggalah ke hari ini beliau dilantik menjadi hakim Majlis Tilawah al-Qur'an peringkat antarabangsa. Beliau juga diundang membentangkan kertas kerja dan menyampaikan kursus-kursus mengenai tarannum bi al-Qur'an hingga ke negara Brunei Dar al-Salam, Thailand dan Singapura. Pada tahun 1995 bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul 1416, beliau dianugerahkan sebagai Tokoh kecemerlangan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung.⁶⁸

Di antara karya-karya Ustaz Haji Nik Jaafar adalah seperti *Panduan Tartil al-Qur'an 1, 2 dan 3*, terbitan Darul Fikir, Kuala Lumpur, Buku *Qawā'id al-Tarannum*; terbitan Darul Fikir, Kuala Lumpur dan buku *Qawā'id Qabla al-Tilawah*, terbitan Darul Fikir, Kuala Lumpur. Beliau juga sedang menyusun kitab mengenai perbezaan-perbezaan riwayat di dalam Ilmu Qirā'āt al-Qur'an al-Karīm.⁶⁹

3. Hassan Mahmud al-Hafiz

Beliau merupakan anak kelahiran Sanglang, Perlis, dilahirkan pada 11 September 1948. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Arab di Arau, Perlis, kemudian melanjutkan pelajaran ke Maahad Tahfiz Al-Qur'an Masjid Negara, Kuala Lumpur (1970 -1973), Pengajaran ilmu Qirā'āt secara *mushāfahah* dan *talaqqī* di Maahad Qiraat

⁶⁷ *Ibid.*, 61.

⁶⁸ *Ibid.*, 62.

⁶⁹ Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawā'id Tarannum: Cara Berlagu* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 1998), 15.

Shubra, Kaherah, Mesir dalam ilmu qirā,āt dan tajwid, Universiti al-Azhar, Jabatan Usuluddin, dengan pengkhususan dalam ilmu tafsir sehingga mendapat Sarjana Muda (B.A) dalam bidang tersebut.⁷⁰

Beliau kini aktif berceramah di jabatan jabatan Kerajaan dan Swasta, juga pernah diundang sebagai hakim Tilawah al-Qur'an dan hakim pertandingan menghafaz al-Qur'an peringkat Kebangsaan. Terkini, beliau diundang sebagai Mudir Imam Muda bagi program berbentuk keagamaan yang diterbitkan oleh TV9 iaitu program 'Imam Muda' yang bersiaran sejak tahun 2010. Di antara buku yang pernah ditulis oleh beliau ialah "*Ilmu Tajwid Al-Qur'an*" yang diterbitkan oleh Pustaka Al-Mizan, Kuala Lumpur.

1.5 PENGAJIAN AL-QUR'AN MASA KINI

Corak pembelajaran dan pengajaran al-Qur'an pada masa kini tidak jauh bezanya dengan apa yang diamalkan dan diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada para sahabatnya. Apa yang membezakannya adalah penggunaan alat tulis yang lebih moden, bilik kuliah kondusif dan teknik yang lebih mudah dan terbaru terhadap pemahaman serta hafazan untuk dipraktikkan kepada masyarakat. Malah ketika ini, wujud kesedaran mengenai kepentingan penghafazan al-Qur'an menyebabkan pembelajaran dan pengajarannya dilakukan dengan lebih *efisyen* dan sistematik.⁷¹

Menurut Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Agama Islam Pahang atau JAIP menjelaskan, pengajian al-Qur'an cara moden bermaksud pengajian yang mempunyai stuktur yang tersusun, meliputi sudut pengurusan, kurikulum dan kemudahan infrastrukturnya. Cara moden ini dianjurkan oleh pihak kerajaan pusat atau kerajaan negeri. Manakala pengajian al-Qur'an cara

⁷⁰ Hassan Mahmud, *Ilmu Tajwid Al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 1990), 41.

⁷¹ Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam, Falsafah Disiplin dan Peranan Pendidik* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka Islam, 1991), 26.

tradisional pula bermaksud pengajian yang tidak tersusun dengan baik dari sudut pentadbiran, kurikulum dan kemudahan infrastruktur adalah seperti sistem pendidikan pondok. Lazimnya, pendidikan secara tradisional ini dikelolakan oleh orang perseorangan atau swasta.⁷²

1.5.1 Pendekatan Pengajian Al-Qur'an Masa Kini

Pada masa kini, pengajian al-Qur'an telah berkembang mengikut peredaran zaman. Banyak terdapat usaha-usaha penambahbaikan dalam sistem pengajian al-Qur'an yang sedia ada sama ada usaha itu datangnye dari pihak kerajaan, swasta mahupun individu. Kini, telah terdapat banyak pusat-pusat pengajian al-Qur'an yang dibina lengkap dengan prasarana yang moden, suasana yang selesa dan tidak ketinggalan juga turut dilengkapi dengan kemudahan jalur lebar atau internet bagi memudahkan para pelajar mencari dan mendapatkan maklumat berkaitan ilmu al-Qur'an dengan lebih cepat dan pantas. Di samping itu, perkembangan pengajian al-Qur'an juga tidak hanya tertumpu pada prasarana yang moden semata-mata, malah ianya berkembang jua dari sudut kaedah atau pendekatan pengajian al-Qur'an yang digunakan. Jika dahulu, hanya kaedah tradisional yang digunakan, tetapi kini telah terdapat banyak kaedah-kaedah pengajian al-Qur'an yang diperkenalkan kepada kita yang mana ianya lebih cepat dan mudah untuk dipelajari dan difahami seperti kaedah *Iqra'*, *Qirā'atī* dan sebagainya.⁷³

Seperti mana yang dinyatakan oleh pengkaji bahawa terdapat perubahan demi perubahan dalam sistem pengajian al-Qur'an yang sedia ada di Malaysia, perubahan tersebut juga melatari di setiap lokasi pengajian al-Qur'an seperti di rumah, di pondok,

⁷²Tuan Haji Ahmad Raffli bin ab. Malek (Kadi, Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan), 9 September 2009.

⁷³ Abdul Halim El-Muhammady, *op. cit.*, 30.

di sekolah dan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Setiap lokasi pengajian al-Qur'an turut mengalami perubahan sama ada dari sudut prasarana mahupun sukatan pengajian. Di sini, pengkaji menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan kelas-kelas pengajian al-Qur'an yang dijalankan di Malaysia:

1.5.1.1 Pendekatan Pengajian Al-Qur'an di Rumah

Kelas pengajian al-Qur'an yang diadakan di rumah-rumah kebiasaannya hanya tertumpu kepada komuniti yang sedikit jumlahnya seperti ahli sesama ahli keluarga dan jiran-jiran tetangga. Pelaksanaan kelas al-Qur'an di rumah pada masa kini jauh berbeza berbanding dahulu. Kini, kelas pengajian al-Qur'an di rumah berlangsung dalam suasana yang kondusif dengan peralatan-peralatan yang mencukupi seperti kerusi, meja, papan putih, kitab al-Qur'an yang turut disertakan dengan tafsir dan hukum-hukum tajwid yang memudahkan pelajar serta alat-alat tulis yang moden dan sebagainya.

Dari sudut pendekatan pengajian al-Qur'an pula, terdapat banyak kaedah-kaedah yang digunapakai dalam pengajian al-Qur'an pada masa kini di mana guru mengajar murid-murid menggunakan pendekatan kaedah *Iqra' dan Qirā'atī* yang sesuai diajar kepada kanak-kanak seawal usia lima tahun dan para remaja kerana kaedah ini lebih menekankan aspek sebutan berbanding ejaan dan ini secara tidak langsung akan mempercepatkan proses pembelajaran di rumah. Walau bagaimanapun pelaksanaannya tidak hanya terbatas kepada ruang lingkup kanak-kanak dan remaja sahaja, malahan kaedah ini turut dipelajarinya oleh orang dewasa. Untuk mempertingkatkan lagi kemahiran dalam ilmu al-Qur'an, terdapat alat bantuan lain yang dapat membantu

seperti internet, *software* berkaitan teknik bacaan al-Qur'an dan tajwid, al-Qur'an digital dan sebagainya.⁷⁴

1.5.1.2 Pendekatan Pengajian Al-Qur'an di Pondok⁷⁵

Sistem pengajian al-Qur'an di pondok pada masa kini terbahagi kepada dua sistem iaitu sistem tradisional / pondok dan sistem moden. Sistem tradisional / pondok adalah sistem yang menumpukan kepada kitab-kitab muktabar manakala sistem moden pula ialah sistem persekolahan yang menggunakan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Yayasan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri dan terdapat penambahan mata pelajaran oleh pihak madrasah.⁷⁶

Sistem Tradisional /Pondok; pengajian al-Qur'an melalui sistem ini diambil berat oleh pihak pentadbir, kerana bagi mereka sistem ini amat berkesan untuk melahirkan generasi pelapis yang berwibawa. Demi untuk memastikan para pelajar boleh menguasai pengajian al-Qur'an, sistem ini mengambil kira beberapa faktor utama seperti pertama; teks pengajian mereka didedahkan dengan mempelajari kitab-kitab tajwid silam yang dihasilkan oleh ulama di nusantara atau ulama dari timur tengah. Kedua; dari segi masa para pelajar diberi pengisian yang padat dan penggunaan masa

⁷⁴ Mohd Yusof Ahmad, *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000), 15.

⁷⁵ Pondok' bermaksud satu institusi teristimewa dan tinggi kedudukan dalam masyarakat melayu yang mengamalkan penimbaan ilmu secara tradisional. Gedung ini telah diwarisi secara turun-temurun yang berperanan mengenal Allah dan Islam melalui ilmu tauhid, tasauf, fardhu ain dan sebagainya. Perkataan pondok berasal dari perkataan Arab " Funduq" (فندق) bererti rumah tumpangan atau tempat menginap pengembara-pengembara. Ada pula yang mendefinisikan sebagai rumah kecil atau pondok kecil yang didirikan untuk sementara waktu di sawah-sawah, ladang atau lain-lain tempat yang mempunyai deretan rumah kecil. Ada pula yang mengatakan perkataan langgar yang berasal dari perkataan Parsi seerti dengan pondok. Lihat, Abdullah Ishak, "Pengajian Pondok dan Kesannya terhadap masyarakat Islam di Malaysia" dalam *Pendidikan Islam Peranannya dalam Pembangunan Ummah*, Ed. Abdul Halim el-Muhammady (Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1994), 35.

⁷⁶Info Institusi pengajian Pondok, dikemaskini 14 Disember 2011, dicapai 25 Januari 2012, <http://www.epondok.com.my/kenalipondok/pondok2.html>.

amat terhad. Ketiga; segala aktiviti mereka diawasi dan dipantau dari semasa ke semasa.⁷⁷

Pengajian al-Qur'an sistem pondok biasanya diadakan selepas solat lima waktu. Sistem ini berlangsung setiap hari dalam seminggu dan ianya mempunyai jadualnya yang tersendiri sebagaimana sistem persekolahan, tetapi ianya lebih berbentuk umum kerana pengajian ini diadakan di dalam masjid. Cara atau pendekatan pengajian aliran ini ialah murid-murid akan membentuk halaqah (bentuk bulatan) dan murid-murid akan bertalaqqi bacaan al-Qur'an secara individu atau berkumpulan dengan bimbingan seorang guru. Manakala pelajaran ilmu tajwid pula, murid-murid akan mengikut pengajian secara umum dengan seorang guru yang mengajar berpandukan kitab-kitab tertentu

Sistem moden pula; pengajian al-Qur'an diajar secara kelas iaitu bermula dari kelas peralihan (*al-Intiqāliyyah*) setahun, kemudian tiga tahun kelas I'dādiyyah, tiga tahun peringkat *Thanawiyyah* dan empat tahun peringkat *'Āliyyah*, pengajian tersebut mengambil masa selama sebelas tahun. Kini pengajian itu diselaraskan mengikut sistem Sekolah Agama Rakyat di bawah seliaan Yayasan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri. Tahun pengajian akan bermula dari tahun peralihan dan berakhir pada tahun ke tujuh iaitu pada tingkatan enam.⁷⁸

Sesi persekolahan di pondok berjalan selama lima hari dalam seminggu. Kelas akan bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pukul 1.00 tengahari. Bagi kelas al-Qur'an dan tajwid, masa 40 minit diisi dengan aktiviti pembacaan al-Qur'an secara talaqqī di hadapan guru dengan berpandukan hukum-hukum tajwid. Guru akan memperdengarkan bacaan al-Qur'an kepada murid berdasarkan surah-surah pilihan manakala tajwid pula diajar berpandukan silibus atau sukatan yang telah ditetapkan oleh

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ *Ibid.*

pihak madrasah. Di samping pembacaan al-Qur'an secara talaqqī, murid-murid juga dilatih menghafaz surah-surah pilihan dan wajib mentasmi' hafazan tersebut di hadapan guru.

1.5.1.3 Pendekatan Pengajian Al-Qur'an di Sekolah.

Semenjak Dasar Pelajaran Kebangsaan diperkenalkan, murid Islam di sekolah rendah dan menengah diwajibkan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Bagi mempertingkatkan kualiti Pendidikan Islam di sekolah, maka Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah digubal berdasarkan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang diterbitkan pada tahun 1979.⁷⁹

Dengan perkembangan yang menggalakkan ini, pendidikan Islam tidak lagi tertinggal atau diabaikan oleh pemerintah. Murid-murid di sekolah-sekolah kerajaan berpeluang mendapat pendidikan Islam tanpa perlu menghadiri sekolah-sekolah agama pada sebelah petang.⁸⁰

Berdasarkan kurikulum Pendidikan Islam KBSM kini, bidang pengajian tilawah al-Qur'an bukanlah suatu ilmu yang berasingan, malah bersifat bersepadu. Dengan kata lain, pengajian tilawah al-Qur'an tidak hanya dilihat dari sudut membetulkan bacaan semata-mata, malah lebih daripada itu. Justeru, objektif pengajian al-Qur'an adalah seperti berikut: pertama, melahirkan pelajar-pelajar yang boleh membaca dan menghafaz al-Qur'an dengan baik dan fasih; kedua melahirkan pelajar-pelajar yang sentiasa membaca dan menghafaz al-Qur'an di rumah dan di luar sekolah; ketiga, melahirkan pelajar yang terdidik dengan didikan al-Qur'an; dan keempat,

⁷⁹ Muhammad Yunus Noor, *Seminar Kebangsaan Penilaian Pelaksanaan KBSR* (Kuala Lumpur: Institut Aminudin Baki, 1990), 18.

⁸⁰ Muhammad Sood, *Persepsi Murid, Ibu Bapa dan Guru Terhadap Pilihan Sekolah Menengah Agama Kerajaan di daerah Sabak Bernam*. Tesis M.A (tidak diterbitkan), (Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1981), 132.

melahirkan pelajar yang sentiasa menghayati ajaran al-Qur'an dalam kehidupan individu dan jemaah.⁸¹

Pada masa kini penekanan kepada tilawah al-Qur'an dalam kurikulum Pendidikan Islam semakin ketara berikutan daripada keprihatinan Perdana Menteri Malaysia terhadap penguasaan al-Qur'an yang membawa kepada wujudnya program J-QAF⁸². Antara objektif program J-QAF ialah semua pelajar Islam diharapkan dapat khatam al-Qur'an semasa belajar di peringkat sekolah rendah lagi. Sebelum ini, bidang tilawah al-Qur'an hanya menjurus kepada kebolehan membaca sahaja, manakala aspek khatam tidak ditekankan di sekolah, tetapi menyerahkannya kepada masyarakat.⁸³

Dalam pengajaran tilawah al-Qur'an di sekolah, guru memastikan pelajar benar-benar dapat menguasai isi pelajaran yang diterangkan oleh guru, agar mereka tidak berterusan gagal menguasai kemahiran bacaan al-Qur'an. Setelah guru yakin pelajar telah berjaya menguasai kemahiran bacaan al-Qur'an yang diajar, barulah guru berpindah kepada tajuk pengajaran yang seterusnya. Antara pendekatan lain dalam pengajaran tilawah al-Qur'an di sekolah ialah melalui pendekatan induktif, di mana para guru mengemukakan contoh bacaan al-Qur'an mengikut hukum tajwid dan seterusnya para pelajar mengaplikasikan contoh bacaan guru dalam bacaan al-Qur'an yang dibaca.

⁸¹ Laporan Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

⁸² 'J-Qaf' adalah singkatan kepada Jawi, Al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardhu Ain. Kesemua perkara tersebut adalah elemen-elemen dalam Pendidikan Islam kecuali Bahasa Arab. Program J-Qaf bermaksud memperkukuhkan penguasaan Jawi, memastikan murid-murid khatam al-Qur'an di sekolah rendah, mewajibkan pelajaran Bahasa Arab dan memantapkan amalan dan penghayatan Fardhu Ain.

⁸³ Halim Na'am, *Pelaksanaan J-QAF. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-4* (Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 15.

1.5.1.4 Pendekatan Pengajian Al-Qur'an di IPTA/IPTS.

Sebagaimana umum mengetahui bahawa Institusi Pengajian Tinggi Awam atau (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta atau (IPTS) memainkan peranan sebagai gedung menuntut ilmu. Justeru, IPTA dan IPTS juga tidak ketinggalan dalam arus memartabatkan ilmu al-Qur'an kepada mahasiswa mahupun masyarakat. Di peringkat mahasiswa, IPTA/IPTS telah menawarkan subjek-subjek seperti Tilawah Al-Qur'an dan Tajwid serta subjek Tarannum Al-Qur'an di setiap fakulti kepada semua mahasiswa yang beragama Islam. Manakala bagi masyarakat pula, IPTA/IPTS banyak menawarkan kelas-kelas kemahiran al-Qur'an, bengkel dan seminar berkaitan al-Qur'an untuk diikuti oleh masyarakat setempat.

Di antara kursus-kursus kemahiran al-Qur'an yang ditawarkan oleh IPTA/IPTS kepada orang awam antaranya:

i. Sijil Pengajian Al-Qur'an (SPAQ) anjuran Universiti Malaya.

Kursus jangka pendek Sijil Pengajian al-Qur'an (SPAQ) anjuran Unit Pembangunan Sosial, Bahagian Pembangunan Korporat, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya mula diperkenalkan pada September 2001. Kursus ini menggabungkan tiga elemen penting yang mendasari pengajian al-Qur'an iaitu kemahiran tajwid dan tilawah al-Qur'an serta tarannum (lagu-lagu al-Qur'an), bahasa al-Qur'an dan ilmu-ilmu al-Qur'an.⁸⁴

Setelah beroperasi hingga kini, kursus ini telah berjaya menarik minat masyarakat Islam mendalami ilmu-ilmu al-Qur'an yang bersifat semasa di samping menguasai kemahiran tilawah al-Qur'an serta bahasa Arab sebagai bahasa pengantar al-

⁸⁴Sijil Pengajian al-Qur'an, dikemaskini 9 Jun 2008, dicapai 6 Januari 2010, <http://spaq-apium.blogspot.com/>.

Qur'an. Kursus ini ditawarkan di peringkat sijil dan terbuka kepada individu yang berminat. Kelas ini diadakan di bilik seminar dan dewan kuliah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur dan pengajian adalah secara kuliah dan tutorial. Kursus ini mengandungi empat modul dan setiap modul dijalankan selama empat bulan. Kuliah diadakan setiap hari Sabtu dari pukul 9.00 - 11.00 pagi.⁸⁵

ii. Kursus Talaqqī Al-Qur'an anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mencadangkan penawaran kursus peringkat sijil dalam bidang talaqqī al-Qur'an, di mana ia dilihat sebagai salah satu komponen yang sangat relevan kepada masyarakat dewasa ini dalam mengimbangi keperluan duniawi dan ukhrawi, khususnya kepada masyarakat setempat. Program ini adalah untuk merealisasikan hasrat USIM dalam memasyarakatkan universiti melalui program-program yang ditawarkan mengikut kepakaran yang ada. Ia juga dilihat sebagai satu platform kepada masyarakat untuk mendalami ilmu berkaitan *talaqqī* al-Qur'an daripada tenaga atau pakar yang berkelayakan serta membantu pihak kerajaan dalam melahirkan masyarakat celik al-Qur'an selaras dengan prinsip Islam *Haḍarī*.⁸⁶

Subjek-subjek yang ditawarkan ialah Talaqqī al-Qur'an, Pengantar Ilmu Qirā'āt, Ilmu Tajwid dan Pengantar 'Ulūm al-Qur'an. Jangka masa program ialah selama 12 minggu iaitu di mana kuliah akan dijalankan pada setiap hari Sabtu sahaja. Jam kredit keseluruhan bagi kursus ini ialah 4 jam x 12 minggu = 48 jam. Manakala golongan sasaran penyertaan adalah kepada masyarakat setempat yang telah

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ Kursus Talaqqī al-Qur'an, dikemaskini 18 Mac 2010, dicapai 15 Januari 2011, <http://www.usim.edu.my>.

mempunyai asas dalam bacaan al-Qur'an. Syarat kelayakan masuk ialah sekurang-kurangnya lulus Sijil Pelajaran Malaysia.⁸⁷

iii. Kursus Tilawah Al-Qur'an Untuk Orang Awam anjuran Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

Dengan penuh rasa tanggungjawab terhadap umat Islam, Pusat Bahasa dan Pencapaian Akademik Pra-Universiti (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah menubuhkan kursus Tilawah Al-Qur'an pada Jun 2000. Kelas ini akan memberi peluang khususnya kepada masyarakat luar untuk belajar membaca al-Qur'an dan mendalami ilmu tajwid.⁸⁸

Kelas ini diadakan di tiga kampus IIUM iaitu Kampus Utama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Pusat Asasi UIAM, Jalan Universiti, Seksyen 17, Petaling Jaya dan Pusat Asasi UIAM, Jalan BBN, 1/7D, Fasa 3A/3B Putra Nilai, Nilai, Negeri Sembilan. Manakala kelas diadakan sebanyak dua kali seminggu secara pasangan hari berikut:

Isnin dan Rabu; 8:00 malam – 10:00 malam.

Selasa dan Khamis; 8:00 malam – 10:00 malam.

Peserta hanya boleh memilih satu pasangan hari sahaja dalam seminggu di satu lokasi yang sesuai sahaja. Bagi satu-satu kelas pengajian, peserta dihadkan seramai 15 ke 20 orang sahaja. Jumlah ini telah disesuaikan dengan masa yang diperuntukkan iaitu 2 jam setiap kali menghadiri kelas. Guru akan memberi peluang kepada semua peserta dalam satu-satu kelas itu untuk mencuba bacaan mereka dan dapat pula diperbetulkan bacaan mereka oleh guru yang terlatih. Oleh itu guru dan peserta diharapkan dapat

⁸⁷ *Ibid.*

⁸⁸ Kursus Tilawah al-Qur'an, dikemaskini 5 November 2010, dicapai 17 Februari 2012, <http://www.iiu.edu.my/celpad/kutaq/>.

memulakan dan mengakhirkkan kelas tepat pada masa yang telah ditentukan. Kelewatan memulakan kelas atau melambatkan tamat kelas akan merugikan masa yang diperuntukkan.⁸⁹

1.6 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kewujudan kelas pengajian al-Qur'an amat penting kepada masyarakat pada hari ini untuk menjaga kesucian al-Qur'an daripada diseleweng dan dirosakkan oleh pihak-pihak tertentu khususnya musuh Islam. Di samping itu, dengan terdapatnya kelas-kelas pengajian al-Qur'an yang tumbuh bak cendawan selepas hujan sama ada di bandar, kampung, FELDA, sekolah, IPTA/IPTS, sektor awam dan sektor swasta tanpa mengira kedudukan dan pangkat, sudah pasti dapat membina kekuatan dalaman dengan mengikuti dan mematuhi segala peraturan Islam dan peradabannya dalam sesuatu pengajian ilmu.

Dengan segala kekuatan dalaman yang terbina berdasarkan kepada penghayatan Islam, dikira mampu mencorakkan keperibadian muslim yang luhur dan dapat menghindari dari segala bentuk kejahatan dan kemaksiatan. Oleh itu, pendekatan dan teknik perlu dipelbagaikan dengan berkesan agar apa yang disampaikan melalui kelas al-Qur'an akan memberi kesan kepada mereka. Justeru, begitu penting manusia kembali ke jalan Allah (s.w.t). Manusia memerlukan panduan al-Qur'an dan al-Sunnah untuk membetulkan perjalanan hidup mereka di atas muka bumi ini, petunjuk ke arah kebahagiaan di dunia dan akhirat. Kehidupan di dunia merupakan tempat mencari kebaikan untuk mendapatkan hasilnya di akhirat nanti. Oleh itu, ajaran Islam berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan suatu yang indah dan mudah tetapi tidak boleh dipermudah-mudahkan.

⁸⁹*Ibid.*